

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap walaupun dalam masa yang singkat. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar mengenai 3 tema utama yang sangat penting untuk diambil perhatian iaitu:

- Infrastruktur dan Pengangkutan Awam yang Mampan
- Penglibatan Anak Muda dalam Pertanian
- Memperkasa Pendidikan Politik

Infrastruktur dan Pengangkutan Awam yang Mampan

Pulau Pinang merupakan salah satu destinasi pelancongan, industri dan pertanian yang utama di dalam negara. Maka tidak hairanlah Pulau Pinang telah menyumbang sebanyak 6.7 hingga 6.9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh tiga tahun sehingga tahun 2021. Ini menunjukkan negeri yang kita sayangi ini berkembang pesat dari aspek ekonominya walaupun kita menghadapi cabaran terutamanya dengan pandemik COVID-19.

Namun, kepesatan ekonomi di Pulau Pinang tidak akan bermakna tanpa wujudnya infrastruktur dan pengangkutan awam yang mampan. Saya yakin dalam kalangan kita saban hari menghadapi kesesakan jalan raya apabila ingin keluar atau pulang daripada mencari rezeki. Bukan itu sahaja, pada hujung minggu juga, kesesakan yang luar biasa dihadapi oleh rakyat di Pulau Pinang terutamanya melibatkan tempat-tempat awam dan pelancongan. Kesesakan yang berterusan ini juga membawa kepada kerugian kepada kita dalam aspek produktiviti. Saya membawakan dua bandar yang boleh dijadikan contoh iaitu di Jakarta dan Kuala Lumpur. Kesesakan jalan raya di Jakarta telah mengakibatkan kerugian kepada produktiviti sebanyak RM19 bilion setahun manakala di Kuala Lumpur pula, kesesakan yang melanda ibu kota telah mengakibatkan kerugian sebanyak RM9 bilion setahun.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan negeri. Pertama, meneruskan usaha untuk membina sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang. Walaupun saya mengakui peruntukan bagi pembinaan LRT ini telah dibatalkan oleh kerajaan persekutuan, namun kerajaan negeri perlu mencari solusi bagi merealisasikan projek ini. Kedua, saya memohon agar kerajaan negeri dapat memperbaiki infrastruktur dan aliran trafik termasuklah di kawasan luar bandar yang turut mengalami kesesakan ketika waktu puncak.

Penglibatan Anak Muda dalam Pertanian

Tuan Yang di-Pertua,

Dunia hari menghadapi cabaran dalam melibatkan keselamatan makanan. Apabila dunia pada hari ini sedang keluar daripada wabak COVID-19, peperangan antara Ukraine dan Russia pula berlaku. Perkembangan ini sudah pastinya akan mengakibatkan wujudnya kesan termasuklah mengenai keselamatan makanan. Kita sedikit sebanyak telah mengalami kesannya pada hari ini walaupun belum pada tahap yang membimbangkan. Saya khuatir, apabila berlakunya krisis keselamatan makanan, kesan besar akan pasti melanda negara kita dan juga di negeri ini.

Oleh kerana itulah, saya mencadangkan agar kerajaan negeri Pulau Pinang tidak meminggirkan industri pertanian di dalam negeri ini. Walaupun sektor pertanian di Pulau Pinang hanya menyumbang kepada walaupun hanya 2.2 peratus kepada KDNK negeri, saya yakin industri ini mampu menyumbang kepada pendapatan yang lebih besar ditambah dengan permintaan sumber makanan yang semakin meningkat. Untuk meningkatkan industri pertanian di dalam Negeri Pulau Pinang, kita memerlukan lebih ramai anak muda untuk terlibat dalam bidang pertanian. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri Pulau Pinang mewujudkan satu program yang khusus bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang terlibat di dalam industri pertanian di negeri ini. Mereka perlulah diberikan latihan, geran, atau teknologi moden yang boleh meningkatkan industri pertanian di negeri ini. Tanah-tanah kerajaan yang terbiar boleh dimanfaatkan untuk menjadi 'pilot project' program ini bagi melahirkan lebih ramai anak muda yang terlibat dalam pertanian sebagai sumber pendapatan utama mereka.

Memperkasa Pendidikan Politik

Sidang Muda 2022 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong langkah DUN Pulau Pinang yang meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan Pulau Pinang (Pindaan 2021) yang membenarkan had usia kelayakan umur calon kerusi DUN diubah daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Langkah ini penting bagi menyusuli langkah di peringkat persekutuan yang telah terlebih dahulu meminda Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2019 berkenaan Undi 18. Dalam pilihan raya akan datang, kita mungkin akan melihat calon-calon pilihan raya umum yang terdiri daripada anak-anak muda seawal umur 18 tahun.

Namun, terdapat satu perkara penting yang boleh diambil perhatian kerajaan negeri setelah pelaksanaan Undi 18 iaitu memperkasa pendidikan politik. Saya secara peribadi melihat perlunya pendidikan politik diterapkan di dalam anak-anak muda seawal umur 17 tahun atau 18 tahun bagi memahami tanggungjawab mereka dalam proses pendemokrasian di Malaysia. Walaupun tingkah laku pengundian mereka akan bergantung kepada sosialisasi mereka seperti pengaruh keluarga atau rakan-rakan, namun adalah penting mereka mendapat pendidikan politik bagi menambah pengetahuan mereka mengenai sistem politik dan demokrasi di Malaysia.

Oleh itu, saya mencadangkan kerajaan negeri untuk mewujudkan satu program pendidikan politik lepasan SPM khusus bagi memperkasakan pendidikan politik anak-anak muda terutamanya yang berumur 18 tahun sebagai persediaan mereka untuk terlibat dalam proses pilihan raya di Malaysia. Program pendidikan politik ini perlu melibatkan kerjasama daripada agensi kerajaan yang lain seperti SPR dan juga organisasi masyarakat sivil yang lain bagi memberikan pemahaman mereka mengenai perkara ini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, ingin saya memetik kata-kata Mantan Presiden Amerika Syarikat ke-34, Dwight D. Eisenhower yang menyebut “Plans are nothing; Planning is Everything.” Rancangan tidak akan membawa kita ke mana-mana tetapi merancang untuk merealisasikannya adalah segala-galanya. Saya berharap agar suara belia di dalam DUN ini tidak hanya tinggal “rancangan” di sini tetapi perlunya ada perancangan untuk merealisasikannya. Walaupun apa yang kami katakan di sini bukanlah satu tanggungjawab

untuk kerajaan negeri melaksanakannya tetapi percayalah, ini adalah satu harapan daripada kami anak muda Pulau Pinang yang inginkan negeri kami ini sentiasa maju ke hadapan daripada aspek ekonomi, politik, dan juga sosialnya. Akhirnya, semoga negeri yang kita cintai ini makmur dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Iqbal Bin Muhammad Fauzi
N11 Permatang Pasir
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

